KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI TERKINI
DEMAM DENGGI DAN ZIKA DI MALAYSIA
Bagi Minggu 9/2016 (28 Februari hingga 5 Mac 2016)

Di Malaysia, jumlah kes Denggi yang dilaporkan di seluruh negara telah menunjukkan penurunan bilangan pada minggu ini. Bagi Minggu ke-9 bagi tempoh 28 Februari hingga 5 Mac 2016, pemantauan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mendapati jumlah kes Denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,719 kes berbanding 2,885 kes pada minggu sebelumnya iaitu penurunan sebanyak 166 kes (5.8%). Terdapat tujuh (7) buah negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Perak 12 kes (9.6%), Negeri Sembilan 11 kes (16.2%), Kelantan 10 kes (16.1%), Melaka 6 kes (12.5%), WP Kuala Lumpur dan Putrajaya 3 kes (1.6%), Terengganu 2 kes (2.4%) dan Perlis 1 kes (11.1%). Jumlah kumulatif kes Denggi bagi tahun ini sehingga 5 Mac 2016 adalah sebanyak 28,122 kes, berbanding 26,609 kes bagi tempoh yang sama tahun 2015, dan ianya merupakan peningkatan sebanyak 5.7% (1,513 kes).

Pada Minggu ke-9, terdapat lapan (8) kematian yang dilaporkan akibat komplikasi Denggi iaitu tiga (3) di Selangor, tiga (3) di Johor dan dua (2) di Terengganu. Pada tahun 2016 sehingga 5 Mac, telah ada sebanyak 62 kematian Denggi dilaporkan berbanding 74 kematian bagi

tempoh sama tahun 2015, menunjukkan penurunan sebanyak 16.2% (12 kematian).

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menyatakan pengesanan kes dan rawatan awal di hospital boleh menyelamatkan nyawa pesakit demam denggi. Ini kerana, sehingga kini masih belum ditemui ubat yang mampu menyembuhkan demam denggi. Individu yang mengalami simptom demam, sakit kepala, ruam, sakit sendi, sakit badan atau muntah hendaklah segera mendapatkan rawatan di klinik-klinik berdekatan.

Pemantauan KKM juga mendapati terdapat penurunan sebanyak 1.5% jumlah lokaliti wabak iaitu dari 1,150 lokaliti kepada 1,133 lokaliti pada minggu ke-9. Bagi tempoh yang sama jumlah lokaliti hotspot juga didapati menurun daripada 264 lokaliti kepada 237 lokaliti pada minggu ke-9. Kejadian lokaliti *hotspot* melibatkan 9 buah negeri iaitu di Selangor (163 lokaliti), Johor (54 lokaliti), Perak (5 lokaliti), WPKL & Putrajaya dan Terengganu masing-masing terdapat 4 lokaliti, Pulau Pinang (3 lokaliti), Sabah (2 lokaliti) manakala 1 lokaliti di Negeri Sembilan dan Melaka.

Sempena cuti sekolah yang bakal tiba, KKM ingin menasihatkan setiap keluarga memastikan tiada tempat pembiakan nyamuk di dalam atau di luar rumah. Selain itu, langkah-langkah melindungi diri dari gigitan nyamuk seperti menggunakan ubat penghalau nyamuk dan memakai baju cerah berlengan panjang sewaktu keluar rumah turut perlu diamalkan. Orang awam turut boleh menggunakan aplikasi iDengue untuk mendapatkan maklumat lokasi dan status Denggi semasa.

KKM kini turut memantau keadaan semasa jangkitan virus Zika di seluruh negara. Malaysia mempunyai risiko yang tinggi untuk kejadian penularan jangkitan virus Zika kerana ia disebarkan oleh vektor yang sama dengan jangkitan virus Denggi iaitu nyamuk Aedes.

Merujuk kepada situasi semasa jangkitan virus Zika secara global, kemaskini terkini oleh WHO menyatakan dari 1 Januari 2007 sehingga 3 Mac 2016 jangkitan Zika telah dilaporkan berlaku di 52 buah negara. Daripada 52 buah negara, Marshall Islands, Saint Vincent and the Grenadines dan Trinidad and Tobago merupakan negara terkini yang melaporkan jangkitan tempatan virus Zika. Survelan berterusan yang dilakukan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan juga Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) mendapati masih tiada jangkitan Zika yang dikesan di negara ini berdasarkan keputusan 438 sampel yang telah diuji sehingga 5 Mac 2016.

KKM berharap kerjasama erat daripada semua pihak termasuk masyarakat dalam melakukan langkah-langkah pencegahan terus dipertingkatkan bagi mengawal kejadian kes Denggi serta mencegah penularan virus Zika ke negara ini. Marilah bersama-sama perangi Aedes habis-habisan.

DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
7 Mac 2016

Lampiran A

KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 09/2016
(28 Februari ingga 5 Mac 2016)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 09/2016	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 09/2015
		Minggu 09 (28 Feb – 5 Mac. 2016)	Minggu 08 (21 Feb – 27 Feb. 2016)		
1	Perlis	10	9	62	85
2	Kedah	17	28	203 (1)	211
3	P. Pinang	88	95	1301 (9)	1229 (3)
4	Perak	137	125	1114	2885 (9)
5	Selangor	1,450 (3)	1575	14226 (20)	15704 (41)
6	WP KL & Putrajaya	189	186	1867 (2)	1379 (7)
7	N. Sembilan	79	68	759 (5)	396 (3)
8	Melaka	54	48	608 (1)	436 (1)
9	Johor	357 (3)	375 (1)	4149 (6)	1368 (2)
10	Pahang	69	87	723 (2)	663 (2)
11	Terengganu	86 (2)	84 (1)	1186 (11)	347 (1)
12	Kelantan	72	62 (1)	590 (1)	463 (2)
13	Sarawak	54	64	445 (3)	599 (1)
14	Sabah	57	79	887 (1)	843 (2)
15	WP Labuan	0	0	2	1
	MALAYSIA	**2,719 (8)**	**2,885 (3)**	**28,122 (62)**	**26,609 (74)**

Nota: ( ) Kematian

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" SEHINGGA 05 MAC (Mg 09)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	JOHOR	Johor Bharu	Tmn U Kebangsaan	76	266
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen 27 (Flat A : Blok 1- 22)	167	163
3	SELANGOR	Petaling	Pjs 9 /1(Lagoon Perdana & Rumah Kedai)	107	158
4	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3/38-3/52 Seksyen 3 Bandar Baru Bangi	70	145
5	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Persanda)	40	139
6	SELANGOR	Petaling	Seksyen 20 (Flat B : Blok 13 - 19)	81	138
7	SELANGOR	Petaling	Seksyen U8 (Teres K : Jln U8/48 - U8/64)	148	129
8	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Bukit Indah Jln Indah 1/	52	128
9	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 (Padang Jawa C : Jln Mat Raji Kiri)	29	119
10	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama (Jln Pu 12)	55	119
11	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Subang Suria : Blok 1 - 8)	54	116
12	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Scientex Jln Serindit	36	114
13	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 (Padang Jawa : Pangsapuri Puteri)	31	113
14	SELANGOR	Petaling	Seksyen U10 (Alam Budiman : Jln U10/68 - U10/77b)	51	106
15	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 15/5 Seksyen 15 Bandar Baru Bangi	31	106
16	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 Teres A (Jln 17/1a-17/15)	38	103
17	SELANGOR	Petaling	Seksyen 18 (Teres G :Jalan 18/36 - 18/39)	29	103
18	JOHOR	Johor Bharu	Kg Melayu Majidee Zon 2	31	101
19	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Kota Masai Jln Tembikai	28	96
20	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Scientex Jln Kenari	25	96

21	SELANGOR	Petaling	Seksyen 19 (Teres D : Jln 19/16 - 19/23d)	18	95
22	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Bukit Dahlia Jalan Semerbak	35	95
23	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 (Flat H:Blok 64-78)	13	93
24	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Jalan 6c/9-6c/11 Seksyen 16 Bandar Baru Bangi	20	92
25	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Nuri Bandar Bukit Mahkota	17	92
26	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Bukit Dahlia Jalan Sejambak	27	91
27	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Seksyen 5 Bandar Teknologi	20	90
28	N SEMBILAN	Seremban	Vision Homes	30	89
29	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Dagang 1/1-1/11 Taman Dagang	20	88
30	SELANGOR	Hulu Selangor	Lokaliti 8 Bdr Baru Btg Kali	25	87
31	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Teratai Tbr Bb	43	87
32	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 5 Flat Desa Mentari : Blok 7 & 8	17	87
33	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Subang Murni Teres : Jln U5/140 - 162)	28	85
34	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Bkt Mewah Jln 2/	31	85
35	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 15/3 Seksyen 15 Bdr. Baru Bangi	36	84
36	SELANGOR	Petaling	Pjs 9/2 - Pjs 9/30	12	84
37	JOHOR	Johor Bharu	Tperling Belibis	20	84
38	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Daya Nibong	26	83
39	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pusat Komersial A : Jln Aa 7/Aa - Ac 7/Ac, T 7/T - Z7/Z)	97	82
40	SELANGOR	Kuala Selangor	Lorong Cakera Purnama (12/1-12/11)	21	82
41	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Pelangi Jln Jingga/Kuning Muda	25	81
42	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3/3 Seksyen 3 Bandar Baru Bangi	16	80
43	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3/4 Seksyen 3 Bandar Baru Bangi	30	80
44	SELANGOR	Petaling	Bdr Puteri 7 (Sri Begonia)	32	80
45	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Brunsfield Riverview)	40	79
46	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Perdana)	38	79

47	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 7 - Rumah Kedai)	34	79
48	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Kota Masai Jln Nenas	48	79
49	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Puteri Wangsa Badik 1-21	27	79
50	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Desa Tebrau Harmonium	23	78
51	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Taming Kiri Taman Taming Jaya	18	77
52	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru K7	14	76
53	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3/58-62 Seksyen 3 Bandar Baru Bangi	14	75
54	JOHOR	Johor Bharu	Tmn U Pertanian	14	75
55	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Puteri Wangsa Badik 22-45	11	74
56	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Seri Medan	89	71
57	SELANGOR	Petaling	Tmn Equine (Flat Putra Permai & Rumah Kedai)	34	71
58	JOHOR	Johor Bharu	Tmn. Nusantara 5/	19	71
59	PERAK	Kinta	Hillview Estate	25	70
60	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 8/1-15 Seksyen 8 Bandar Baru Bangi	27	70
61	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Gembira	39	70
62	SELANGOR	Petaling	Ss 17/2	16	69
63	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Indah 3 (Seroja)	12	69
64	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 11,13-18 Taman Harmoni Semenyih	12	68
65	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat A : Blok 1 - 12, Blok 38 - 43)	34	68
66	SELANGOR	Petaling	Seksyen U2 (Pangsapuri Ilham)	32	68
67	JOHOR	Johor Bharu	Bdr Sri Alam Vista Sri Alam(Appartment)	29	68
68	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Scientex_Jln Camar	22	68
69	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 6 Flat Desa Mentari 2 : Blok 4, 5 , 6	17	67
70	JOHOR	Johor Bharu	Kg Pasir Putih	15	67
71	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Impian Indah	19	66
72	SELANGOR	Petaling	Seksyen U4 (Apt Damai)	31	66
73	JOHOR	Johor Bharu	Bdr Sri Alam Flat Tasek 64	29	66
74	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Nusa Damai Jln Sejahtera	46	66

75	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 8 Apt Flora Damansara 2 (Blok C - F)	14	65
76	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Cahaya Masai Jln Delima	29	65
77	SELANGOR	Petaling	Bt 3 (Suria Appt Tmn Bukit Pelangi)	40	64
78	SELANGOR	Petaling	Usj 13/5	19	64
79	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Megah Ria Jln Jelatang	13	64
80	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Bkt Kempas Jln Bkt Kempas 2/	28	64
81	P PINANG	Seberg Perai Selatan	Perkampungan Valdor	27	63
82	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 4 (Jln Bk 4/1 & Sebahagian 4/2-4/4)	25	63
83	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Kajang Perdana	15	62
84	SELANGOR	Hulu Selangor	Lokaliti 2 Bdr Baru Btg Kali	17	62
85	JOHOR	Johor Bharu	Tmn U Penyiaran	11	62
86	SELANGOR	Petaling	Seksyen 20 (Kuarters Polis : Blok 5 - 12)	17	61
87	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 Teres D (Jln 17/31-17/38)	18	61
88	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 9 Sd 13 Apt Sri Meranti 2 : Blok H, J, K, L, M, N, P, Q, R	18	61
89	SELANGOR	Petaling	Seksyen 26 (Flat Pprt: Blok A, B, C)	20	60
90	SELANGOR	Petaling	Tmn Equine (Jln Putra Permai 9)	12	60
91	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama (Jln Pu 5)	19	60
92	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 (Teres B : Jln 28/11 - 28/20)	11	59
93	SELANGOR	Petaling	Usj 11/1	29	59
94	SELANGOR	Petaling	Tmn Puncak Kinrara 2 (Blok A)	19	59
95	PERAK	Kinta	Kg Tersusun Bt 8	16	58
96	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Taman Ampang Mewah	18	58
97	P PINANG	Seberg Perai Tengah	Tmn Sri Janggus (Blok A1-A5)	33	58
98	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Aman	31	57
99	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	93	57
100	SELANGOR	Petaling	Usj 1 (Angsana Appt)	13	57
101	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 10 Apt Harmoni 2 (D,E,F,G,H,J,K,T,S,R)	15	56

102	SELANGOR	Sepang	Taman Dengkil Jaya	10	56
103	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Scientex Jln Helang	16	56
104	SELANGOR	Gombak	Appt Laksamana	9	55
105	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Hentian 2-6 Hentian Kajang	9	55
106	SELANGOR	Petaling	Usj 14 (Teres)	25	55
107	JOHOR	Johor Bharu	Kg Melayu Majidee Zon 1	15	55
108	SELANGOR	Hulu Langat	Blok Burung Kuarters Penjara Kajang	37	54
109	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 5 (Jln Bk 5/1 - 5/8)	26	54
110	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 6)	48	54
111	SELANGOR	Petaling	Usj 2/4	21	54
112	WPKL	Cheras	Flat Sri Penara	17	54
113	JOHOR	Johor Bharu	Bdr Baru Permas Jaya 1	16	54
114	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4/9 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	12	53
115	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Prima Saujana Kajang	9	53
116	SELANGOR	Petaling	Usj 18	12	53
117	SELANGOR	Petaling	Tmn Puncak Jalil 6b (Jln Puj 6/10 - 6/18)	8	53
118	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Nusa Damai Jln Sentosa	10	53
119	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Scientex Jln Pelanduk	7	53
120	TERENGGANU	K Terengganu	Lorong Bakti	30	53
121	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Kota Masai Jln Jambu	26	52
122	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Nesa Jln Zapin	8	52
123	SELANGOR	Petaling	Seksyen 3	12	51
124	SELANGOR	Petaling	Usj 13/3	17	51
125	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Green Villa Taman Universiti	21	50
126	SELANGOR	Petaling	Seksyen U2 (Teres C : U2/15 - 28)	13	50
127	SELANGOR	Sepang	Taman Putra Prima Fasa 3	11	50
128	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 1 Taman Bangi Avenue	11	49
129	SELANGOR	Petaling	Seksyen 27 (Teres C : Jln 27/38 - 27/53a)	15	49
130	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 10 (Teres A:Jln Pjs	16	49

			10/1, 10/3, 10/5 - 10/8, 10/10)		
131	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Indah 3 (Jln Indah 3)	15	49
132	SELANGOR	Gombak	Kg Selayang Indah	10	48
133	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Yayasan	19	48
134	SELANGOR	Petaling	Bdr Puchong Jaya Psrn Puchong Jaya Selatan (Sutramas Appt)	22	48
135	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Kota Masai Jln Bacang	11	48
136	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bukit Permai 1-5 Taman Bukit Permai	13	48
137	JOHOR	Johor Bharu	Apt Crystal Villa	9	48
138	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Suasana 3 Bandar Tun Hussein Onn	6	48
139	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Dp 4 Bandar Damai Perdana	7	47
140	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 1&3 Taman Sri Jelok	10	47
141	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Orkid : Blok 7 - 12)	34	47
142	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 1a Pprt A : Blok A,B,C	8	47
143	SELANGOR	Petaling	Usj 4/1	8	47
144	JOHOR	Johor Bharu	Bdr Baru Permas Jaya 8	8	47
145	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Cendana Zon 2	30	47
146	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Nesa Jln Inang	13	47
147	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Tropika Sungai Tangkas	6	46
148	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Yayasan Zon 2	11	46
149	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat B : Blok 13 - 37)	24	46
150	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 10 Apt Impian	13	46
151	SELANGOR	Petaling	Tmn Perindustrian Sg Penaga Subang Permai (Jln Subang)	9	46
152	SABAH	Sandakan	Batu Putih M. 7	9	46
153	SELANGOR	Petaling	Tmn Kinrara Jln Tk 3 (Vista Lavender)	16	46
154	SELANGOR	Gombak	Kg Nakhoda Tengah	7	45
155	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tps 3 Taman Pelangi Semenyih	10	45
156	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 7 Gugusan Kekwa	15	45

157	SELANGOR	Petaling	Bdr Puchong Jaya Jln Nuri	8	45
158	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Scientex Jln Merak	6	45
159	SABAH	Sandakan	Sandakan Town	7	45
160	PERAK	Kinta	Kg Baru Buntong	14	44
161	SELANGOR	Gombak	Tmn Bukit Indah (Jln Medan)	7	44
162	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Bukit Kenangan	8	44
163	SELANGOR	Petaling	Seksyen 26 (Kg Baru Hicom : Jln Bunga Tanjung 3)	8	44
164	JOHOR	Johor Bharu	Apt Tebrau City Residence	7	44
165	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Cempaka Blok 1-14	10	44
166	SELANGOR	Petaling	Seksyen 26 (Kg Baru Hicom : Jln Bunga Melor)	11	43
167	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 5)	25	43
168	WPKL	Kepong	Taman Dato Senu (Jalan Dato Senu 1-5)	13	43
169	TERENGGANU	K Terengganu	Lorong Kembangan	26	43
170	SELANGOR	Petaling	Pst Bdr Puchong (Jln Bandar & Qts Bomba)	18	42
171	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Perdana (Jln Perdana 2)	16	42
172	SELANGOR	Petaling	Bdr Bkt Puchong Bp 3	5	42
173	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 (Flat A : Blok 1, 3, 5, 7, 9, 11, 13, 15, 17, 19)	38	41
174	JOHOR	Johor Bharu	Lima Kedai Flat Lima Kedai	11	41
175	JOHOR	Johor Bharu	Bdr Selesa Jaya Silat Harimau	9	40
176	SELANGOR	Gombak	Tmn Sri Gombak Fasa 9 Zon A	12	39
177	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tkp 15-25 Taman Kantan Permai	6	39
178	SELANGOR	Kuala Langat	Jalan Palas Taman Dato Hormat	13	39
179	SELANGOR	Petaling	Seksyen 27 (Teres D : Jln 27/54 - 27/87)	15	39
180	SELANGOR	Petaling	Seksyen U2 (Pangsapuri Jaya)	6	39
181	SELANGOR	Sepang	Kg. Baru Sg. Pelek	7	39
182	TERENGGANU	K Terengganu	Kubang Buyung	12	39
183	SELANGOR	Gombak	Condo Selayang Point	8	39
184	P PINANG	Timur Laut	Kuarters Polis Fasa 2	12	38

185	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 6a Seksyen 16 Bandar Baru Bangi	7	38
186	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Cempaka (Harum)	9	38
187	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 (Flat D : Blok 33 - 46)	10	38
188	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres E : Jln 7/29 - 7/35)	9	38
189	SELANGOR	Petaling	Bt 13 Kg Kenangan	5	38
190	JOHOR	Johor Bharu	Flat Desa Mutiara	21	38
191	SELANGOR	Sepang	Taman Meranti Jaya	7	38
192	PERAK	Kinta	Kg Baru Simpang Pulai	14	37
193	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 2/4 Seksyen 2 Bandar Baru Bangi	11	37
194	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Kampung Sekamat Kampung Sungai Sekamat	7	37
195	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 3 Palm Spring Kondo 2 : Blok D, E, F	7	37
196	SELANGOR	Petaling	Tmn Pinggiran Usj 1	11	37
197	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Scientex Jln Murai	8	37
198	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 9	5	37
199	SELANGOR	Petaling	Seksyen 18 (Teres F :Jln 18/34 -18/35c)	6	36
200	SELANGOR	Petaling	Usj 16 (Sri Tanjung Appt)	5	36
201	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Masai Utama	9	36
202	SELANGOR	Gombak	Tmn Tun Teja	7	35
203	SELANGOR	Petaling	Seksyen 18 (Jln 18/47 Flat A : Blok 1 - 5)	5	35
204	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 10 Armanee Kondo	5	35
205	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Hartamas (Pangsapuri Meranti, Jati, Pulai)	11	35
206	WPKL	Cheras	Taman Mulia (Jln Budiman)	6	35
207	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Megah Ria Jln Dedaru	6	35
208	SELANGOR	Hulu Langat	Kampung Sungai Tangkas	9	34
209	SELANGOR	Petaling	Tmn Pinggiran Usj 2 (Sri Nipah)	12	34
210	SELANGOR	Sepang	Kuarters Uniten	5	34
211	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Tanjung Puteri Resort Lampam	11	34

212	TERENGGANU	K Terengganu	Gong Penaga	15	34
213	SELANGOR	Gombak	Tmn Pinggiran Bt Caves Fasa 3	8	33
214	SELANGOR	Gombak	Tmn Kelab Ukay	5	33
215	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Sri Kenari	5	33
216	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 (Flat E : Blok 47-54)	13	33
217	SELANGOR	Petaling	Ss 15/4 (Rumah Kedai, First Subang & Kolej Inti)	9	33
218	SELANGOR	Petaling	Tmn Sg. Besi Indah 1 (Jln Sb Indah 1/10-1/19)	6	33
219	WPKL	Kepong	Casa Idaman Condominium	11	33
220	MELAKA	Jasin	Taman Muhibbah	18	33
221	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Maju Jaya	7	33
222	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Megah Ria Jln Bayan	6	33
223	SELANGOR	Petaling	Bg Seksyen 17 Teres A: Jln 17/2, 17/4, 17/6, 17/11, 17/19	4	33
224	SELANGOR	Hulu Langat	Lorong Sentosa 2 & 3 Taman Sentosa	6	33
225	SELANGOR	Gombak	Tmn Rawang Perdana Rp 10	4	32
226	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Cahaya	6	32
227	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Kasawari Taman Impian Ehsan	10	32
228	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Perdana (Jln Teratai)	7	32
229	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Suria Jln Suria	5	32
230	SELANGOR	Petaling	Usj 2/2	5	32
231	PERAK	Kinta	Kg Bercham	7	31
232	SELANGOR	Gombak	Magnaville Condo	5	31
233	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Seri Teluki Bs	6	31
234	SELANGOR	Klang	Bandar Botanik (Pangsapuri Casuarina)	8	31
235	SELANGOR	Petaling	Bdr Puteri 10	5	31
236	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Intan 3	14	31
237	JOHOR	Johor Bahru	Tmn U Perubatan	6	31

Lampiran C

NEGARA-NEGARA YANG MELAPORKAN JANGKITAN VIRUS ZIKA BERDASARKAN LAPORAN WHO SEHINGGA 3 MAC 2016

CLASSIFICATION	WHO REGIONAL OFFICE	COUNTRY/TERRITORY/AREA
Reported or indication of autochthonous Zika virus transmission AND Guillain-Barré syndrome AND microcephaly (1)	**AMRO/PAHO (1)**	Brazil
Reported or indication of autochthonous Zika virus transmission, Guillain-Barré syndrome and no reports of microcephaly cases (7)	**AMRO/PAHO (7)**	Colombia, El Salvador, Venezuela (Bolivarian Republic of), Martinique, Puerto Rico, Panama, Suriname
Reported or indication of autochthonous Zika virus transmission and no reports of Guillain-Barré syndrome or microcephaly cases (39)	**AFRO (2)**	Cabo Verde, Gabon
	AMRO/PAHO (23)	Aruba, Barbados, Bonaire, Bolivia (Plurinational State of), Costa Rica, Curaçao, Dominican Republic, Ecuador, French Guiana, Guadeloupe, Guatemala, Guyana, Haiti, Honduras, Jamaica, Mexico, Nicaragua, Paraguay, Saint Martin, Saint Vincent and the Grenadines, Sint Maarten, Trinidad & Tobago, United States Virgin Islands
	SEARO (3)	Indonesia, Maldives, Thailand
	WPRO (11)	American Samoa, Cambodia, Fiji, Malaysia, Marshall Islands, Philippines, Samoa, Solomon Islands, Tonga, Vanuatu, Lao People's Democratic Republic
Countries/territories/areas with outbreaks terminated (5)	**WPRO (4)**	Cook Islands, French Polynesia, New Caledonia, YAP - Micronesia (Federated States of)
	AMRO/PAHO (1)	ISLA DE PASCUA - Chile
Locally acquired without vector-borne transmission (3)	**AMRO/PAHO (1)**	United States of America
	EURO (2)	France, Italy